

**KAJIAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM (SKIM AKAUNTAN (WA))  
PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM (PSA) MALAYSIA**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang melaksanakan Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam bagi kesemua penjawat awam sehingga 31 Disember 2023 ini. Sehubungan itu, Persatuan Akauntan Sektor Awam (PSA) Malaysia telah mengadakan beberapa cadangan bagi pembangunan dan kerjaya skim Akauntan.

Sehubungan itu, mohon semua Akauntan untuk mengisi kajian tersebut berdasarkan kepada cadangan – cadangan yang dinyatakan dibawah. Untuk makluman, cadangan ini adalah perbincangan antara wakil – wakil akauntan semasa Bengkel Pemantapan Perjawatan Akauntan yang telah diadakan oleh PSA.

Sebarang persoalan berhubung perkara ini , tuan/puan boleh berhubung dengan wakil – wakil PSA atau pegawai berikut:

Encik Mohd Azizi Bin Mohd Aspar	013-354 6474
Encik Muhammad Naszman Bin Bukhari	012-618 2406

Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Tuan/puan boleh melayari pautan berikut untuk kajian tersebut :

<https://sspa.jpa.gov.my/#/saraan>

Berikut adalah paparan skrin kajian:

**MAKLUMAT RESPONDEN**

NAMA

E-MEL

JANTINA \*

JULAT UMUR \*

NEGERI BERMASTAUTIN \*

TAHAP PENDIDIKAN \*

NEGERI BERTUGAS \*

KUMPULAN AGENSI

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN \*

KETUA PERKHIDMATAN \*

SKIM PERKHIDMATAN \*

Berikut adalah paparan skrin dan tuan/puan hendaklah menyalin cadangan beserta justifikasi dalam ruangan yang disediakan tersebut.

1.2 Skim Perkhidmatan

Meliputi aspek syarat-syarat lanjutan seseorang ke mana-mana perkhidmatan dalam perkhidmatan awam. Contoh: Skim Perkhidmatan Pegawai Undang-undang (L), Pegawai Perubatan (UD), Pegawai Pembangunan Masyarakat (S), Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (DG), Pemandu Kenderaan (H), Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) (N), Jururawat (U) dan lain-lain.

Cadangan 1 (Skim Perkhidmatan)

Masukkan tajuk cadangan.

Hed Akara : 6000/6000

Justifikasi

Masukkan justifikasi cadangan.

Hed Akara : 6000/6000

<b>CADANGAN 1 (SKOP KAJIAN: PEMBANGUNAN ORGANISASI – STRUKTUR PERKHIDMATAN)</b>
---

**Kenaikan Pangkat Skim Akauntan (WA44 – WA54) Tanpa Kekosongan**

i) **Kenaikan pangkat tanpa kelulusan badan ikhtisas**

Secara *time based* seperti perlaksanaan sedia ada sebagaimana yang dilaksanakan di dalam skim pendidikan (Skim D) dan perubatan (Skim U). Cadangan ini adalah berdasarkan tempoh tahun pengalaman berkhidmat iaitu 8-8-6-3 dan kenaikan pangkat tertinggi adalah sehingga WA54.

ii) **Kenaikan pangkat dengan kelulusan badan ikhtisas (KUP)**

Dinaikkan pangkat *one grade higher* dan kenaikan pangkat tertinggi adalah sehingga WA54 (KUP).

iii) **Pelaksanaan kenaikan pangkat bagi cadangan (i) dan (ii) di atas tidak terikat dengan had kuota.**

**JUSTIFIKASI:**

i) Kenaikan pangkat tanpa kelulusan badan ikhtisas berdasarkan konsep 8-8-6-3, tidak melibatkan implikasi kewangan yang tinggi berbanding skim lain yang telah melaksanakan konsep Khas Untuk Penyandang (KUP) seperti Pegawai Tadbir Diplomatik (Skim M), Guru (Skim D), Jurutera (Skim J) dan sebagainya.

ii) Manakala kenaikan pangkat dengan kelulusan badan ikhtisas (KUP) adalah sebagai galakan dan merupakan satu keperluan kepada para akauntan untuk menjadi ahli penuh sesebuah badan akauntan profesional bertauliah yang diiktiraf seperti ACCA, CPA, CIMA, MICPA dan lain-lain. Ini kerana cabaran perakaunan masa hadapan melibatkan transaksi dan pembuatan keputusan lebih kompleks dan menyeluruh sekiranya perakaunan akruan dilaksanakan sepenuhnya. Ini kerana pembuatan keputusan perakaunan perlu seiring dengan dasar kerajaan yang memerintah. Sebagai contoh, sekiranya kerajaan berhasrat untuk meneroka bidang teknologi kepintaran buatan (*artifactual intelligence*) (AI), berkemungkinan pengkosan dalam bidang AI perlu diperakaunkan oleh para akauntan. Oleh itu, melalui penglibatan dalam badan perakaunan profesional tersebut, para akauntan boleh menimba ilmu pengetahuan melalui jurnal-jurnal penerbitan yang dikeluarkan atau boleh berdiskusi dengan para akauntan lain di forum-forum yang dianjurkan oleh badan perakaunan tersebut. Oleh itu, cadangan kenaikan pangkat *one grade higher* adalah sebagai pengiktirafan kepada para akauntan yang bertungkus lumus tenaga dan usaha bagi melepassi tahap keperluan sebelum dapat diterima masuk menjadi ahli penuh sesebuah badan akauntan profesional bertauliah yang diiktiraf.

iii) Profesional akauntan merupakan bidang profesional yang tertakluk kepada Akta Akauntan 1967 di bawah seliaan *Malaysian Institute of Accountants* (MIA) yang memerlukan kelulusan, kemahiran dan pemahaman yang jitu terhadap metodologi perakaunan dalam melaksanakan tugas. Akauntan bertauliah diperlukan dalam memberikan pandangan dan *professional judgement* bagi penyediaan maklumat kewangan yang relevan dan mencukupi dalam memastikan keputusan yang tepat dibuat oleh pemegang taruh. Analisa maklumat kewangan yang tidak tepat boleh menyebabkan kesilapan pembuatan keputusan dan berkemungkinan menyebabkan kerugian ditanggung oleh kerajaan dalam jangka masa

panjang. Oleh itu, hanya akauntan yang bertauliah dan diperakui sahaja yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran tersebut serta ianya tidak boleh ditukar ganti dengan skim lain yang bukan dari kalangan WA.

- iv) Para akauntan di Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) adalah berpengalaman dan telah dilatih dengan pengetahuan teknikal perakaunan yang diperlukan sejajar dengan pelaksanaan perakaunan akruan. Dalam konteks ini, pemakaian garis panduan dan dasar-dasar perakaunan akruan yang dilaksanakan oleh sektor awam adalah setaraf dengan sektor swasta yang menjalankan tugas yang sama. Malah secara perbandingannya perakaunan akruan sektor awam adalah jauh lebih mencabar dan rumit kerana ianya melibatkan *volume* yang besar, transaksi yang kompleks, dasar-dasar yang khusus, peruntukan yang banyak dan akaun yang perlu disatukan (*consolidated accounts*) di sesetengah peringkat. Para akauntan turut berperanan dalam memastikan integrasi sistem perakaunan yang dibangunkan oleh pihak berkepentingan dilaksanakan dengan jayanya bagi memastikan setiap ringgit dan sen diperakaunkan dengan cepat dan efisyen.
- v) Memastikan semua akauntan berpeluang bersara sekurang-kurangnya pada gred WA54 atas sumbangan dan kepakaran yang telah diberikan.
- vi) Tugas yang dilakukan oleh akauntan sektor awam memberikan impak besar kepada dasar dan keputusan negara/negeri/kementerian terhadap data-data yang diterbitkan dalam Akaun Kerajaan Persekutuan (*Federal Public Accounts*) yang dibentangkan di parlimen dan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang dibentangkan di Dewan Negeri serta Penyata Kewangan Kementerian (dasas akruan) yang dibentangkan kepada menteri di sesebuah kementerian. Data-data ini amat penting kepada pelabur bagi membuat keputusan pelaburan di dalam negara/negeri. Data-data ini juga turut digunakan oleh pemegang taruh dalam sesuatu aspek seperti membuat perolehan masa depan, keputusan untuk membuat pinjaman seperti sukuk atau memberikan pinjaman kepada pemegang taruh di peringkat Negeri, Persekutuan dan Negara. Oleh itu, kemahiran teknikal yang pelbagai ini perlu diiktiraf dengan memberikan kenaikan pangkat dengan sewajarnya.
- vii) Amalan dan praktis perakaunan yang dilakukan oleh Malaysia adalah selaras dan setanding dengan standard antarabangsa. Namun kadar gaji negara-negara membangun tersebut adalah lebih tinggi berbanding akauntan di Malaysia.
- viii) Terdapat sebahagian akauntan yang telah lama berkhidmat dan amat arif terhadap bidang tugas yang dilaksanakan. Malah setiap dua (2) tahun, pelbagai inovasi telah dicipta bagi menambah baik proses kerja sedia ada. Terdapat hasil ciptaan yang dipertandingkan di peringkat jabatan/kementerian. Terdapat juga inovasi yang dibangunkan dalam bentuk *Robotic Process Automation* (RPA) yang membolehkan kerja sedia ada diambil alih oleh robotik bagi mempercepatkan proses kerja misalnya sistem UMMI yang dibangunkan oleh Bahagian Wang Tak Dituntut. Oleh itu, kelestarian sebegini perlu dikekalkan dengan jaminan kenaikan pangkat yang lebih sistematik.
- ix) Pengalaman para akauntan di setiap bahagian JANM adalah kompleks dan menyeluruh yang terdiri daripada penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan mengikut polisi dan piawaian perakaunan serta undang-undang yang berkuatkuasa, mengurus aliran tunai dan pentadbiran perbankan Kerajaan Persekutuan (BPOPA), pusat rujuk perakaunan dan kewangan sektor awam (PPPA), penemuan baru sistem perakaunan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kewangan dan perakaunan/merekabentuk dan menambahbaik sistem kewangan (BKP), mengeluarkan maklumat yang tepat serta lengkap melalui khidmat automasi supaya maklumat dapat digunakan /memastikan operasi sistem berjalan dengan

lancar supaya perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan tidak tergendala (BPTM), tadbir urus PTJ di negeri-negeri dan kementerian, pengkuasatkuasaan dan pembayaran wang tak dituntut (BWTD) dan lain-lain. Pengalaman sebegini adalah tidak tertulis dan ianya perlu dilalui. Ianya tidak akan dapat diperolehi dalam tempoh satu (1) hingga tiga (3) tahun bekerja. Sekiranya akauntan swasta yang berpengalaman lebih lima (5) tahun sekali pun menceburi bidang kerajaan, ianya mengambil masa yang lama untuk memahami keseluruhan konsep dan tadbir urus perakaunan kerajaan. Oleh itu cadangan pengiktirafan pengalaman berdasarkan tempoh tahun berkhidmat iaitu 8-8-6-3 adalah wajar bagi mempertimbangkan pengalaman dan kemahiran ini yang sejajar dengan kenaikan gred jawatan.

**CADANGAN 2 (SKOP KAJIAN: PEMBANGUNAN ORGANISASI – STRUKTUR PERKHIDMATAN)**

**Kenaikan pangkat bagi Gred WA54 ke JUSA C(KUP) dengan kelulusan badan ikhtisas**

Cadangan Kenaikan Pangkat Skim Akauntan Tanpa Kekosongan (Dengan Kuota) untuk WA54 yang telah mempunyai kelulusan badan ikhtisas ke JUSA C (KUP)

**JUSTIFIKASI:**

- i. Para akauntan di gred WA54 telah melalui pendedahan dan berpengalaman dalam sebahagian besar kitaran skop tugas perkhidmatan perakaunan dan kewangan dalam sektor awam melibatkan pengurusan bajet, pengurusan perolehan, perakaunan kewangan, perakaunan pengurusan, perakaunan aset, perakaunan dan pengurusan pelaburan, pengurusan akaun amanah, forensik, perundingan perakaunan dan kewangan, pengauditan dan lain-lain.
- ii. Para akauntan di gred WA54 merupakan tenaga pemikir atau perunding yang menyumbang idea bagi melaksanakan dasar-dasar dalam memaju atau menambahbaik sistem perakaunan Kerajaan sedia ada. Mereka sentiasa mengkaji dan membanding kebolehupayaan sistem sedia ada dengan negara luar melalui lawatan, persidangan dan sebagainya. Sebahagiannya menjadi pakar dalam bidang yang diusahakan malah boleh dianggap SME di sesetengah bahagian kerana dapat *trouble shoot* isu yang sedang dihadapi. Perkara ini akan dapat mengurangkan kebergantungan kepada perunding swasta seperti PWC, EY dan lain-lain badan profesional, kerana JANM telah mempunyai kepakaran yang sama yang kosnya lebih murah berbanding mendapatkan perkhidmatan mereka.
- iii. Tidak dapat dinafikan para akauntan di gred WA54 telah mempunyai pengalaman berkhidmat melebihi tempoh 20 tahun. Pelbagai pengalaman telah diterokai di dalam menguruskan perakaunan dan kewangan di pelbagai sektor awam agensi kerajaan seperti sektor pertahanan, sektor kesihatan, sektor pendidikan, sektor pertanian dan lain-lain lagi. Terdapat juga para akauntan yang telah berada di gred WA54 mempunyai pengalaman selain daripada sektor awam kerajaan seperti UKAS, LADA, MIDA dan lain-lain. Selanjutnya ada di kalangan para akauntan WA54 telah berkhidmat sebagai Bendahari Negeri yang menguruskan keseluruhan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri termasuk belanjawan, pengurusan alir tunai kerajaan negeri, pinjaman kerajaan negeri dan berurusan dengan anak syarikat kerajaan negeri. Malah dijadikan pakar rujuk di dalam merekabentuk corak belanjawan yang akan digubal saban tahun. Kesemua tadbir urus kewangan di lapangan tersebut dikawal selia mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum dan mematuhi garis panduan perakaunan terkini yang diterima pakai. Jika ditinjau dari segi aspek bilangan perjawatan gred JUSA C yang tersedia adalah terlalu terhad hanya di beberapa bahagian di JANM dan sebahagian kecil di Kementerian. Oleh itu, peluang untuk para akauntan gred 54 untuk naik ke JUSA C sangat rendah peratusannya berbanding keseluruhan perjawatan akauntan. Peluang kenaikan pangkat ke JUSA C hanya akan berlaku sekiranya pegawai sedia ada berpencen atau meninggalkan jawatan. Oleh itu, ada wajar satu mekanisma yang jelas dibentuk dengan mengambil kira kelulusan badan ikhtisas supaya para akauntan WA54 yang telah berpengalaman ini mempunyai peluang untuk naik ke gred JUSA C walau hanya pada peringkat KUP sahaja.

- iv. Negara akan mendapat manfaat yang besar daripada sumbangan yang telah diberikan oleh akauntan sektor awam Malaysia.
- v. Akauntan sektor awam di Malaysia ketika ini mempunyai nilai pasaran yang tinggi kerana telah mempunyai pengalaman yang luas dalam kerajaan serta mempunyai kelayakan profesional yang tersenarai dalam akta dan akan memberikan kerugian kepada Kerajaan sekiranya pegawai dan pakar-pakar yang ada berhijrah ke sektor swasta.

**CADANGAN 3 (KEMAMPMANAN SARAAN – STRUKTUR GAJI)****Kajian pengstruktur semula gaji berdasarkan pasaran kerjaya komersial serta negara jiran**

1. Gaji permulaan bagi Gred WA41
  - 1.1. Tanpa pengalaman sehingga tiga (3) tahun pengalaman tanpa keahlian *Malaysian Institute of Accountants* (MIA) dengan kadar gaji RM4,000.00
  - 1.2. Dengan pengalaman tiga (3) hingga enam (6) tahun dan mempunyai keahlian Malaysian Institute of Accountants (MIA) dengan kadar gaji RM6,000.00
2. Gaji Pegawai Gred WA41 yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dan telah mendapat keahlian *Malaysian Institute of Accountants* (MIA) perlu diberikan kadar gaji yang berbeza dengan kadar gaji RM6,000.00
3. Gaji Pegawai Gred WA44 yang telah mempunyai keahlian *Malaysian Institute of Accountants* (MIA) diberikan kadar gaji RM8,000.00
4. Gaji Pegawai Gred WA48 yang telah mempunyai keahlian *Malaysian Institute of Accountants* (MIA) diberikan kadar gaji RM10,000.00
5. Gaji Pegawai Gred WA52 yang telah mempunyai keahlian *Malaysian Institute of Accountants* (MIA) diberikan kadar gaji RM14,000.00
6. Gaji Pegawai Gred WA54 yang telah mempunyai keahlian *Malaysian Institute of Accountants* (MIA) diberikan kadar gaji RM20,000.00

**JUSTIFIKASI:**

Akauntan merupakan satu bidang profesional yang mempunyai peranan yang penting dalam mana-mana organisasi bagi memastikan kewangan dan perakaunan sesuatu organisasi tersebut dipersembahkan dengan baik. Profesion ini juga menuntut kemahiran dalam ilmu kewangan dan perakaunan, selain kemampuan menganalisa dan membanding fakta serta nombor untuk membuat keputusan kukuh berdasarkan pengetahuan akauntan terbabit. Selain itu, profesion ini bertanggungjawab untuk memastikan nilai prestasi kewangan seperti aset, liabiliti dan ekuiti sesuatu organisasi itu diurus dengan tatakelola yang terbaik berdasarkan garis panduan perakaunan iaitu *Malaysian Public Sector Accounting Standard* (*MPSAS*) yang diadaptasi daripada *International Public Sector Accounting Standard* (*IPSAS*).

Akauntan serba boleh mampu memberi impak positif terhadap ekonomi negara yang pesat membangun dan dapat menarik minat pemegang taruh sama ada daripada organisasi dalam atau luar negara.

Memandangkan akauntan sektor awam yang mempunyai kelayakan, pengalaman dan kemahiran yang sama dengan akauntan sektor swasta, maka kajian mengenai perbezaan kadar gaji bagi perkhidmatan awam pada masa ini dan kadar gaji di pasaran komersial serta kadar gaji perkhidmatan awam negara jiran perlu diberi kadar yang saksama dengan profesyen akauntan yang lain.

<b>Rajah 1: Kadar Gaji Perkhidmatan Awam Skim Akauntan</b>						
KOD GAJI KOMPUTER SSM	SKIM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	ELAUN TANGGUNG KERJA UNTUK GRED INI (KADAR UNTUK 1 BULAN)
SSM401WAA5 4000	KEWANGAN	WA54	6,122.00	13,180.00	320.00	1,530.50
SSM401WAA5 3000	KEWANGAN	WA53	6,122.00	13,180.00	320.00	1,530.50
SSM401WAA5 2000	KEWANGAN	WA52	5,795.00	12,370.00	290.00	1,448.75
SSM401WAA5 1000	KEWANGAN	WA51	5,795.00	12,370.00	290.00	1,448.75
SSM401WAA4 8000	KEWANGAN	WA48	5,161.00	11,690.00	270.00	1,290.25
SSM401WAA4 7000	KEWANGAN	WA47	5,161.00	11,690.00	270.00	1,290.25
SSM401WAA4 4000	KEWANGAN	WA44	3,600.00	10,456.00	250.00	900.00
SSM401WAA4 1000	KEWANGAN	WA41	2,820.00	9,585.00	225.00	705.00

**Rajah 2: Kadar Gaji Pasaran Komersial (Akauntan dan yang setara)**

		Salary Range (per month)				Salary Range (per month)		
		EXPERIENCE (YEARS)	MIN	MAX		EXPERIENCE (YEARS)	MIN	MAX
Chief Financial Officer (MNC)		15-20	40,000	75,000	Credit Control Manager	6-8	7,000	10,000
Finance Director		15-20	25,000	40,000	Assistant Accountant	3-5	6,500	7,500
Financial Controller (MNC / LC)		10-15	20,000	35,000	Senior Accounts Executive	3-5	5,000	6,500
Finance Head		10-15	15,000	20,000	Financial Analyst	3-5	4,500	7,000
Tax Manager		10-15	15,000	25,000	Auditor	2-3	4,000	6,000
Corporate Finance / Corporate Planning Manager		10-15	15,000	25,000	Finance Executive	2-3	3,000	5,500
Finance Manager		6-8	10,000	15,000	Accounts Executive	2-3	3,000	5,500
Internal Audit Manager		6-8	10,000	15,000	Accounts Specialist (AP / AR)	2-3	3,000	5,500
Senior Accountant		6-8	10,000	15,000	Credit Control Officer	2-3	3,000	5,500
Finance and Administrative Manager		6-8	8,000	10,000				
Accounts Payable Manager		6-8	8,000	10,000				
Accountant		6-8	8,000	12,000				

Sumber: Rujukan 2

**Jadual 1: Perbandingan Kadar Gaji Sektor Awam dan Sektor Komersial Bagi Setiap Kumpulan Gred Dengan Jawatan Yang Setara**

SEKTOR	JAWATAN	TAHUN PENGALAMAN	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
AWAM	WA41	0 - 8 TAHUN	RM2,820.00	RM9,585.00
KOMERSIAL	FINANCE EXECUTIVE	2 - 3 TAHUN	RM4,000.00	RM5,500.00
SINGAPURA	ACCOUNT EXECUTIVE		SGD4,000 (RM13,900)	
AWAM	WA44	8 - 16 TAHUN	RM3,600.00	RM10,456.00
KOMERSIAL	ACCOUNTANT	6 - 8 TAHUN	RM8,000.00	RM12,000.00
SINGAPURA	ACCOUNT MANAGER		SGD8,000 (RM27,800)	
AWAM	WA48 - WA52	8 - 22 TAHUN	RM5,161.00	RM12,370.00
KOMERSIAL	SENIOR ACCOUNTANT	6 - 8 TAHUN	RM10,000.00	RM15,000.00
SINGAPURA	SENIOR ACCOUNTANT		SGD16,000 (RM55,600)	
AWAM	WA54	22 - 28 TAHUN	RM6,122.00	RM13,180.00
KOMERSIAL	FINANCIAL CONTROLLER	10 - 15 TAHUN	RM20,000.00	RM35,000.00
SINGAPURA	FINANCIAL CONTROLLER		SGD38,000 (RM132,000)	

SUMBER RUJUKAN:

1. Kajian PersolKelly - Malaysia Salary Guide 2022/2023 <https://www.persolkelly.com.my/malaysia-salary-guide-2023/>
2. Laman sesawang Jobstreet <https://www.jobstreet.com.my/career-advice/role/audit-associate/salary>
3. Laman sesawang payscale <https://www.payscale.com/research/SG/Job=Accountant/Salary>

**CADANGAN 4 (KEMAMPANAN SARAAN – ELAUN)****PEMBERIAN ELAUN KEPAKARAN DAN IMBUHAN TETAP JAWATAN IKHTISAS**

1. Elaun kepakaran sebanyak RM1,000 diberikan kepada akauntan-akauntan yang mempunyai kepakaran dalam bidang perakaunan dan menjalankan tugas-tugas yang memerlukan kepakaran dalam perakaunan.
2. Imbuhan Tetap Jawatan Ikhtisas sebanyak 10% hingga 20% daripada gaji diberikan kepada akauntan-akauntan yang mempunyai keahlian badan ikhtisas seperti ACCA, CPA, CIMA, MICPA dan badan ikhtisas lain yang diiktiraf.

**JUSTIFIKASI:**

Akauntan merupakan satu bidang professional yang mempunyai peranan yang penting dalam mana-mana organisasi bagi memastikan kewangan dan perakaunan sesuatu organisasi tersebut dipersembahkan dengan baik. Profesion ini juga menuntut kemahiran dalam ilmu kewangan dan perakaunan, selain kemampuan menganalisa dan membanding fakta serta nombor untuk membuat keputusan kukuh berdasarkan pengetahuan akauntan terbabit. Selain itu, profesion ini bertanggungjawab untuk memastikan nilai prestasi kewangan seperti aset, liabiti dan ekuiti sesuatu organisasi itu diurus dengan tatakelola yang terbaik berdasarkan garis panduan perakaunan iaitu *Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS)* yang diadaptasi daripada *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS)*.

Sehubungan itu, elaun khas perlu diberikan kepada akauntan yang perlu menjalankan tugas-tugas khusus yang memerlukan kepakaran dalam tugas seorang akauntan. Selain itu, imbuhan tetap juga perlu diberikan kepada akauntan yang mempunyai keahlian dalam badan ikhtisas sebagai salah satu alternatif lain bagi kenaikan pangkat tanpa kekosongan.

### **CADANGAN 5 (PENGURUSAN BAKAT – KEMAJUAN KERJAYA)**

Akauntan yang mempunyai kelayakan Master atau PhD dalam bidang pengkhususan perakaunan:

1. Dipertimbangkan untuk elauan tambahan/kenaikan gaji.
2. Ditempatkan di organisasi yang lebih strategik yang memerlukan kepakaran yang berkaitan seperti penyelidikan atau di badan-badan berkanun.
3. Dikecualikan daripada KC bagi syarat kenaikan pangkat.

#### **JUSTIFIKASI:**

1. Mewujudkan pembelajaran yang berterusan di kalangan akauntan dalam bidang perakaunan bagi melahirkan tenaga pemikir/pencetus idea bagi memajukan profesi perakaunan sektor awam.
2. Membolehkan para akauntan mengkaji, menganalisa, mencetus idea dan membuat penyelidikan secara khusus dan mendalam semasa penyediaan tesis, kertas kajian dan survey dalam melaksanakan PhD tersebut sebagai contohnya kajian perlaksanaan *block chain* dalam perakaunan kerajaan. Kertas kajian/dapatan yang mempunyai potensi boleh diteliti oleh pengurusan JANM dalam memperbaiki dan menambahbaik konteks perakaunan sedia ada.
3. Memastikan pendidikan yang diterima oleh pegawai dapat digunakan sepenuhnya oleh jabatan secara optimum.
4. Memberikan motivasi kepada akauntan yang mempunyai minat untuk menunjukkan bakat dan kepakaran.